

17/10/2002

Dr Mahathir melawat Hitec City Hyderabad

Mior Kamarul Shahid

HYDRABAD, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang memulakan lawatan dua hari ke India hari ini melawat Bandaraya Perundingan Kejuruteraan Teknologi Maklumat Hyderabad (Hitec City), Madhapur, dekat sini.

Hitec City yang dimajukan pada 1997 adalah pusat teknologi bersepadu yang menawarkan penyelesaian perniagaan setempat dan menyediakan keperluan sosial untuk industri berasaskan Teknologi Maklumat (IT).

Perdana Menteri kemudian melawat Institut Antarabangsa Teknologi Maklumat (IIIT) di kawasan berhampiran dan mendengar taklimat daripada Pengarah institut itu, Dr Rajeev Sangal. IIIT menjalankan penyelidikan IT serta menyediakan pengajian akademik bagi semua peringkat pengajian dalam bidang IT.

Dr Mahathir kemudian melawat Infosys Technologies Ltd disambut Pengerusinya, N R Narayana Murthy dan Pengarah IIIT, Mohandas Pai. Infosys Technologies memberi khidmat perundingan dan perkhidmatan IT kepada pelanggan di seluruh dunia. Hyderabad adalah salah sebuah pusat terkemuka bagi IT di India.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang mengadakan lawatan berasingan melawat Muzium Salar Jung, di sini.

Malam ini, Dr Mahathir dan isteri menghadiri jamuan diberikan oleh Gabenor Andhra Pradesh, C Rangarajan.

Terdahulu, setibanya di Lapangan Terbang Begumpet, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah, disambut Ketua Menteri Andhara Pradesh, N Chandrababu Naidu dan isteri, Bhuvaneswari dan Pesuruh Tinggi Malaysia ke India, Datuk Chew Siew Kioh.

Esok, Dr Mahathir akan melawat Satyam Computer Services Ltd, di Secunderabad, sebelum berlepas ke New Delhi.